



KOPI PAHIT

Kata pantun: Pisang emas dibawa baylor
Masak sebiji di atas peti
Hutang emas dapat dibayar
Hutang budi dibawa mati

Pantun ini benar bunyinya kepada manusia yang siuman dan tahu serta mengingat budi orang. Tetapi ada pula banyak manusia apabila meminta budi orang melembutkan lidahnya tetapi di belakang membuat kerosakan kepada orang yang berbudi. Begitulah orang – keadaan dan jasadnya manusia tetapi jiwanya berbau syaitan!

* * *

Mufti Perak memberi fatwa bahawa seorang yang tidak ada anak boleh memasukkan mani daripada lain, dengan cara perubatan. Kata beliau; ini tidak haram. Kalau sudah begini, anak itu nanti siapa ayahnya sebab sudah bercampur. Barangkali ini seperti kisah kuda kahwin dengan keldai dan anaknya menjadi baghal. Boleh jadikan tuan mufti?

* * *

Khabarnya konon Majlis Penasihat Islam Singapura di dalam mesyuaratnya telah mendatangkan syor supaya jangan membesariskan kisah perkahwinan Siput Sarawak yang kohnonya walinya enggan. Orang hairan mengapa Majlis itu tidak menasihatkan kepada Mahkamah Syariah atau kadi-kadi yang berkenaan supaya mengkahwinkan “nenek” itu kerana ia janda dan walinya wali bapa yang sebenar pula tidak ada? Apakah akhbar yang disalahkan sedang Mahkamah Syariah yang telah membuat “*khilaf*” itu tidak ditegur? Mā shā-Allāh !

* * *

Khabarnya, menurut seorang sahabat yang hadir, Puan Seroja, Pegawai Kebajikan Mahkamah Syariah di dalam ucapannya di Persatuan Pemuda Pemudi Kampung Melayu taktala ditanya orang tentang perbuatan Mahkamah Syariah

“menyekat” bermadu dan menolak cerai-cerai kalau tidak persetujuan isteri – menyatakan bahawa takkanlah salah hukuman itu mengikut syarak kerana tiga orang pegawai Mahkamah Syariah, daripada hakimnya, *chief kadi* dan kadinya kelepasan Azhar. Hai Puan yang tidak tahu hukuman Allah – tidakkah Puan tahu bahawa banyak kadi yang dihukum ke neraka walaupun ia berijazah lebih tinggi daripada Azhar kalau hukumannya menentang dan bertentang dengan hukum Islam. Jangan pandang ijazah Puan kerana masih banyak yang berijazah itu suka melembutkan giginya daripada lidahnya kerana periuk nasinya. Mereka lalu melupakan hukum Allah dan membelakangkan hukum Allah kerana mereka sendiri tidak percaya bahawa rezeki daripada Allah – faham apa tidak !

* * *

Peguam Agung kerajaan Singapura khabarnya telah mengemukakan kepada Majlis Penasihat Islam Singapura akan suatu peraturan meminta luluskan supaya tiap-tiap seorang lelaki yang hendak berkahwin tidaklah umurnya kurang daripada 18 tahun dan yang perempuan tidak kurang dari 16 tahun. Khabarnya telah dipersetujukan cadangannya itu dengan undi. Dan belum pun dikemukakan kepada Badan Perwakilan (Dewan Undangan) keputusan ini terus dijalankan kerana kononnya apabila seseorang hendak mengkahwinkan anaknya di bawah dari umur yang tersebut, kadi-kadi menolak. Kalau betul ini sesungguhnya terlalu hukum agama diperkosa dan umat Islam tidak diberi peluang untuk berkata-kata di atas agamanya. Adakah agama Islam telah ditindas?

* * *

Al-kisah! Seorang perempuan telah dihukumkan nusyuz – erti ia tidak boleh kahwin lagi. Hukuman ini telah berjalan mengikut syarak. Suaminya, kalau mau dan sanggup boleh berkahwin lagi hingga kepada tiga perempuan lain. Tetapi menurut peraturan mahkamah syariah, untuk perikemanusiaan barangkali; lelaki ini tidak boleh berkahwin lagi. Habis bagaimana? *I love you, You love me*, sudahlah! Dan dosanya pembuat undang-undang itu harus dikenakan. Padahnya – neraka – kalau tak percaya tanya sama